KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JMG			

SH 25.12.2021_28

Pembangunan NR-REE tumpu perlombongan skala besar

Elemen pemulihan tapak lombong semasa peringkat pascaperlombongan turut diberi perhatian

IPOH

Sesi Pendengaran Awam mengenai prosedur operasi standard (SOP) Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di negeri Perak merumuskan agar pembangunan NR-REE ditumpukan kepada perlombongan berskala besar.

Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, sesi yang dijalankan di sini pada Ahad lepas bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai SOP yang telah dibangunkan daripada pihak-pihak berkepentingan.

"Ia bagi memastikan perlombongan NR-REE diusahakan secara bertanggungjawab, mampan dan dikawal selia secara menyeluruh di peringkat praperlombongan, semasa perlombongan dan pascaperlombongan," katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.



TAKIYUDDIN

Beliau berkata, empat pembentangan telah disampaikan masing-masing oleh Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif SOP Perlombongan NR-REE Negeri Perak, Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Perak, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Perak dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Menurutnya, antara perkara yang dibangkitkan ialah isu pencemaran air bawah tanah, kaedah mitigasi dan pemantauan bagi perlombongan yang dijalankan.

"Terdapat juga ulasan yang menyentuh mengenai pembangunan industri NR-REE di peringkat pertengahan dan hiliran agar NR-REE tidak hanya dieksport secara mentah tetapi diproses sehingga ke peringkat hiliran bagi mendapatkan nilai tambah yang tinggi.

"Kaedah perlombongan alternatif selain daripada In-Situ Leaching (ISL) turut dibangkitkan bagi mengenal pasti kaedah yang lebih baik dan berkesan serta tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja," katanya.

Takiyuddin berkata, elemen pemulihan tapak lombong semasa peringkat pascaperlombongan turut diberikan perhatian agar dapat menentukan penanda aras yang bersesuaian bagi mengesahkan kerja-kerja pemulihan telah selesai sepenuhnya.

Katanya, kekeliruan berhubung sumber REE tidak beradioaktif dan kebimbangan pencemaran bahan beradioaktif pada tanah dan hasil perlombongan juga telah dibincang dan diperjelaskan.

Beliau berkata, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bersama-sama Ahli Jawatankuasa Eksekutif akan meneliti pandangan yang dikemukakan dan membuat pindaan sewajarnya terhadap dokumen SOP itu. - *Bernama*